



**Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah  
Lebuhraya Sultanah Bahiyah, 05350 Alor Setar,  
Kedah Darulaman**

**Tel 04-7314345 / Faks 04-7353459**

**<http://www.smkakedah.bpi.edu.my>**

**BERIMAN, BERILMU, BERAMAL**

## **PENGENALAN**

Pendidikan SMKA Kedah adalah merupakan suatu usaha yang berterusan ke arah penghayatan ilmu, iman dan amal secara syumul untuk melahirkan generasi Al-Quran yang berilmu, beramal soleh, berakhlak mulia, berkemahiran serta berkeupayaan berjihad membangunkan agama, bangsa dan negara berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah.

## **SEJARAH SEKOLAH**

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah (SMKAK) ini diasaskan pada 1 Januari 1984 dan beroperasi sementara waktu di Sekolah Menengah Tok Jalai (SMTJ) yang sekarang ini dikenali Sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Anum Tunku Abdul Rahman dalam daerah Kubang Pasu

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah telah berpindah ke tapak sendiri pada hari Selasa 31 Januari 1989. Tapak tetap SMKA Kedah terletak di Jalan Sultanah Sambungan (kini dikenali sebagai Lebuhraya Sultanah Bahiyah), Mergong.

## **PENGETUA SMKA KEDAH:**

Tuan Haji Abdul Hamid Bin Tahir (Mei 1985 - Julai 1994)

Tuan Haji Abd. Bin Hadi Harun-Pengetua Pemangku (Ogos 1994 - Ogos 1995)

Tuan Haji Ishak Bin Md Isa (September 1995 - Julai 1997)

Tuan Haji Abdul Rahim bin Shaari (Okt. 1997 - Dis. 2002)

Tuan Haji Abd Wahab Bin Jamaluddin, B.C.K. (Januari 2003 - Julai 2004)

Puan Hajah Arfah Binti Mohammad (Ogos 2004 - Dis. 2005)

Puan Hajah Bashirah binti Abdul Jamil (Februari 2006 hingga sekarang)

### **KAKITANGAN SEKOLAH**

GURU : 72 ORANG

KAKITANGAN SOKONGAN : 19 ORANG

### **PENCAPAIAN AKADEMIK**

SMKA Kedah telah berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan PMR 2009 dengan Gred Purata sekolah 1.17, meningkat sebanyak 0.02 berbanding tahun 2008 iaitu 1.19. Seramai 40 orang pelajar memperolehi 9A manakala 38 orang pelajar memperolehi 8A.

SPM 2009 menunjukkan peningkatan dengan Gred purata sekolah 3.41 berbanding 3.55 tahun 2008 iaitu sebanyak 0.14.

STPM 2009 turut menunjukkan peningkatan dengan gred purata sekolah 3.29 berbanding 2.81 pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 0.48

### **KOKURIKULUM**

<b>Acara</b>	<b>Peringkat</b>	<b>Kedudukan</b>
<b>2009</b>		
<b>Pertandingan Marhaban Kategori Persembahan Rawi Terbaik</b>	Negeri	<b>Juara</b>
<b>Karnival Pendidikan Islam Tilawah (P)</b>	Negeri	<b>Juara</b>
<b>Pertandingan Kuiz Al-Quran</b>	Negeri	<b>Juara</b>
<b>Ihtifal SMKA dan SABK Peringkat Negeri Kedah (Kuiz Bahasa Arab)</b>	Negeri	<b>Juara</b>
<b>Pertandingan Perahu Panjang</b>	Negeri	<b>Naib Juara</b>
<b>2010</b>		
<b>Badminton Remaja Kebangsaan</b>	Kebangsaan	<b>Mewakili Kedah</b>

<b>Pertandingan menulis esei Pencegahan Rasuah anjuran SPRM – Kategori B</b>	Kebangsaan	<b>Ke Tiga</b>
<b>Pertandingan menulis esei sempena Hari Tibi Sedunia</b>	Negeri	<b>Johan</b>
<b>Kedah Junior (Badminton)</b>	Negeri	<b>Johan</b>
<b>Badminton MSSD – Perseorangan B-15</b>	Daerah	<b>N. Johan</b>
<b>Majlis Tadarus Al-Quran (MTQ) Tilawah</b>	Daerah	<b>Johan</b>
<b>Majlis Tadarus Al-Quran (MTQ) Hafazan</b>	Daerah	<b>Johan</b>

#### **ANUGERAH YANG DITERIMA DAN PENCAPAIAN CEMERLANG SMKA KEDAH**

- ANUGERAH KELAB DAN PERSATUAN CEMERLANG PERINGKAT KEBANGSAAN 2007
- ANUGERAH KECEMERLANGAN SMKA 2008 PERINGKAT KEBANGSAAN (BIDANG BIMBINGAN DAN KAUNSELING) KETIGA
- ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK (PENCAPAIAN TERBAIK DALAM STPM 2008) - SEKOLAH MENENGAH PENINGKATAN TERBAIK
- ANUGERAH AKADEMIK SMKA PERINGKAT KEBANGSAAN PMR 2008
  - Bahasa Arab - Tempat Pertama
  - KHB Pilihan3 - Tempat Ke Dua
  - Sains - Tempat Ke Dua
- ANUGERAH AKADEMIK SMKA PERINGKAT KEBANGSAAN SPM 2008
  - Perdagangan - Pertama
- ANUGERAH AKADEMIK SMKA PERINGKAT KEBANGSAAN STPM 2008
  - Usuludin - Pertama
  - Bahasa Arab - Ke Dua
  - Ekonomi - Ke Tiga
  - Pengajian Am - Ke Tiga

#### **BEKAS PELAJAR SMKA KEDAH**

<b>NAMA</b>	<b>KERJAYA</b>
<b>AMIR SHAARI</b>	<b>DOKTOR KEMENTAH</b>

<b>ROSNANI MD ZAIN</b>	PENGURUS BANK NEGARA P.PINANG
<b>NASHITOH KASSIM</b>	PENSYARAH UNDANG-UNDANG UUM
<b>MOHD FAKRI MOHD NOH</b>	JURUTERA MAS
<b>YASMIN YUSSOFF</b>	JURULATIH TAKRAW NEGERI KEDAH
<b>ZAID ABU BAKAR</b>	PEGAWAI SURUHANJAYA KOPERASI
<b>HAJARUL HANIM HASHIM</b>	SETIAUSAHA CIMB SECURITIES
<b>CHE ZALEHA SHAHROM</b>	PEREKA HIASAN DALAMAN
<b>MOHD NAZRI ZAKARIA</b>	PEGUAMBELA/ PEGUAMCARA
<b>RUSITA MD LAZIM</b>	HAKIM MAHKAMAH S.PETANI
<b>AHMAD FAUZAN</b>	JURUTERA
<b>MARTINA OTHMAN</b>	PEGAWAI IT WISMA NEGERI
<b>MAZITA MAT ZUKI</b>	KONTRAKTOR
<b>THAUHIROH OSMAN</b>	PEGUAMBELA/ PEGUAMCARA
<b>SITI NORHAFIZAH</b>	PENSYARAH UTM

## **PENUTUP**

Untuk mencapai **Sekolah Gemilang Menjelang Tahun 2015** pelbagai usaha dan perancangan telah dibuat, Sehingga kini SMKA Kedah boleh berdiri megah setanding dengan sekolah-sekolah cemerlang di dalam Negeri Kedah. Prestasi cemerlang dalam bidang akademik, kokurikulum dan sahsiah menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun , ini dibuktikan dengan anugerah dan pencapaian peringkat negeri dan kebangsaan yang diperolehi sekolah.

Semoga segala ikhtiar dan usaha yang kita laksanakan diberkati dan dirahmati ALLAH S.W.T.

**" Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah Menjadi Sekolah Gemilang Menjelang Tahun 2015"**

